

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

**HUBUNGAN PENGUASAAN TATABAHASA ARAB DENGAN
KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB PELAJAR
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

**[THE CORRELATION BETWEEN PROFICIENCY IN ARABIC
GRAMMAR AND READING COMPREHENSION AMONG
STPM STUDENTS IN TERENGGANU]**

NUR FATANAH MAT NOOR, NOORAIHAN ALI & ARINA AMALIA PRIHARTINI^{2*1}

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampung Gong
Badak, 21300, Terengganu, MALAYSIA.

Email: fatanahnur49@gmail.com, nooraihan@unisza.edu.my & myamalia27815@gmail.com

*Corresponding Author: fatanahnur49@gmail.com

Received Date: 20 November 2024 • Accepted Date: 16 December 2024 • Published Date: 14 January 2025

Abstrak


Kemahiran membaca merupakan salah satu dari empat kemahiran penting yang perlu dicapai setelah melalui proses pembelajaran sesuatu bahasa. Penguasaan tatabahasa Arab merupakan salah satu elemen penting untuk mencapai kemahiran membaca. Kajian telah menunjukkan bahawa masalah utama kefahaman membaca lemah adalah disebabkan kelemahan pelajar dalam penguasaan tatabahasa Arab. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penguasaan pelajar dalam tatabahasa Arab dan hubungannya dengan kemahiran membaca mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif berbentuk korelasi. Pengkaji menjalankan dua set ujian iaitu tatabahasa Arab dan kemahiran membaca sebagai alat penyelidikan. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Analisis korelasi dijalankan bagi melihat adakah terdapat hubungan signifikan diantara kedua pemboleh ubah tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran membaca. Analisis juga mendapati bahawa pelajar lemah dalam mengaplikasi penguasaan tatabahasa Arab dalam mencapai kemahiran membaca. Oleh itu, pelajar perlu meningkatkan kemahiran dalam mengaplikasi pengetahuan pada aktiviti bacaan. Kesimpulannya, kaedah pengajaran tatabahasa Arab hendaklah disesuaikan dengan kemahiran membaca dan bahan bacaan hendaklah diperbanyakkan dan dipelbagaikan.

Kata Kunci: Penguasaan, Tatabahasa Arab, Kemahiran membaca, STPM.

Abstract

Reading proficiency is one of the four essential skills that must be acquired when completing the language acquisition process. A solid understanding of Arabic grammar is crucial for achieving reading comprehension. Studies have indicated that the main problem of reading comprehension issue is a lack of proficiency in Arabic grammar. This study seeks to investigate the proficiency level of students in Arabic grammar and its correlation with their Arabic reading abilities. This study adopts a quantitative research approach with correlation. This survey utilizes a grammatical competency test and reading comprehension test which serves as a research tool. . The data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) in a descriptive manner. A correlation study was performed using the Pearson Product-Moment correlation test to determine if there was a statistically significant relationship between the two variables. The Pearson's correlation test indicates a significant link between proficiency in Arabic grammar and reading abilities. The multiple regression analysis reveals a weak contribution of the variable of Arabic grammar proficiency to the mastery of reading skills. Moreover, STPM students in Terengganu lack proficiency in applying their understanding of Arabic grammar to reading comprehension. As a result, student needs to increasing applying skills in reading comprehension. In conclusion, teaching method of Arabic grammar should be adapted to reading comprehension activity and reading materials should be increased and diversified.

Keyword: Proficiency, Arabic Grammar, Reading Comprehension, Stpm.



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite as: Nur Fatanah Mat Noor, Nooraihan Ali & Arina Amalia prihartini^{2*}. 2025. Hubungan Penguasaan Tatabahasa Arab dengan Kemahiran Membaca Bahasa Arab Pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia [The Correlation Between Proficiency in Arabic Grammar and Reading Comprehension among STPM Students in Terengganu]. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 9(1): 10-26.

PENGENALAN

Bahasa Arab membawa pengaruh yang sangat besar dalam masyarakat Malaysia, setelah datangnya agama Islam dari Tanah Arab ke Tanah Melayu seawal kurun 7 Masihi (Zainur Rijal & Rosni, 2007). Keunggulan bahasa Arab tidak hanya sebagai al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah S.A.W yang menjadi sumber utama agama Islam (Chejne, 1969). Tetapi bahasa Arab juga mempunyai keistimewaan dalam segi ilmu tatabahasanya (Md Noor, Zaki, & Saifulah, 2018; Hasyim, 2016). Bahasa Arab merupakan bidang ilmu yang mengembangkan keterampilan bertutur (Suhaimi & Sabri, 2023; Hasnurol, Kaseh & Maheram, 2020; Talib 1996), menulis (Che Radiah, 2006), membaca (Awatif et al., 2016; Smith, 1994), mendengar (Azman Che Mat, 2022), mengungkap informasi (Rosni Samah, 2009), fikiran (Nik Rahimi 2008; Gardner, 1985), perasaan (Nik Rahimi 2008; Lightbown dan Spada, 1999), mengembangkan ilmu pengetahuan (Tajul & Aini. 2010), dan teknologi (Muna Hamzan, 2016) serta budaya (Mohd Alwee & Azrien, 2008).

Kemahiran membaca merupakan salah satu dari empat kemahiran yang perlu dicapai setelah melalui proses pembelajaran sesuatu bahasa (Azman Che Mat, 2022). Membaca merupakan proses yang aktif untuk mencapai tahap kefahaman yang sebenar dan memerlukan kepada pelbagai elemen terutamanya pada penutur bukan jati. Tatabahasa Arab merupakan salah satu elemen penting untuk mencapai kefahaman bacaan seperti yang dinyatakan dalam model kefahaman bacaan oleh Mc Kenna & Stahl (2009). Oleh itu terdapat banyak kajian yang menegaskan bahawa penguasaan tatabahasa dapat meningkatkan kemahiran membaca. Justeru itu, pengkaji ingin mengkaji hubungan penguasaan tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar STPM di Terengganu.

KORELASI TATABAHASA ARAB DENGAN KEMAHIRAN MEMBACA

Pembelajaran dan pengajaran (PdP) bahasa Arab bermatlamat untuk mencapai kemahiran berbahasa iaitu kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca (Azman, 2022; Sueraya Che Haron et al., 2010). Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai terlebih dahulu sebelum mencapai kemahiran-kemahiran lain (Krashen, 2004; Tu'aymah, 1989). Bahasa Arab juga merupakan medium utama pelajar dalam menimba ilmu dalam bidang masing-masing (Nooraihan, Mohd Hilmi & Asyraf, 2020). Kelemahan pelajar di peringkat sekolah ini akan menyebabkan mereka gagal mengikuti kursus pada peringkat universiti dengan baik (Osman, 1990). Begitu juga dalam melalui proses pembelajaran dan pengajaran di peringkat tinggi, khususnya bidang pengajian Islam memerlukan kemahiran mencapai kefahaman bacaan untuk menelusuri pelbagai bidang ilmu agama (Nooraihan et al, 2020).

Pelajar-pelajar dari bidang pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah mempelajari bahasa Arab semenjak di sekolah menengah atau lebih awal. Hal ini bertujuan untuk menguasai kemahiran tersebut tetapi hasil kajian-kajian lepas mendapati kemahiran pelajar universiti masih tidak memuaskan, terutama pada kemahiran membaca (Nurul Iza & Kaseh 2021; Nik Rahimi 2008). Menurut Hashim (2009) kesalahan kata kerja merupakan antara kesalahan yang ketara dalam pembelajaran bahasa asing. Selain itu, mereka tidak dapat memahami ayat Arab dengan baik (Nurul Iza & Kaseh 2021), kesukaran untuk memahami teks bahasa Arab (Mohd Zahimie & Hakim, 2014) bahkan penguasaan ayat asas bahasa Arab masih berlaku kesalahan (Nur Syazwani et al., 2012; Ab. Halim Mohamad, 2009; Zawawi 2008; Raja Musa et al., 1999).


Lemahnya penguasaan tatabahasa Arab merupakan faktor yang membawa kepada punca kelemahan mencapai kefahaman bacaan (Mohd Hazli Yah et al., 2019; Yuniarti Amalia Wahdah, 2018; Harun Baharudin et al., 2017; Ahmad Fuad, 2015). Menurut Grabe (1991) “pembaca yang fasih memerlukan pengetahuan yang mantap tentang struktur bahasa dan pengetahuan yang banyak terhadap kosa kata”. Hal ini kerana sesebuah teks disampaikan melalui sebahagian perkataan, frasa, klausa, ayat yang digabungkan menjadi satu unit yang mempunyai makna. Oleh itu, adalah penting bagi pelajar yang ingin memahami teks tersebut untuk menguasai tatabahasa dengan baik (McKay, 1987). Manakala Wan Rohani (2017) berpandangan penguasaan tatabahasa Arab mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran bahasa Arab seseorang pelajar. Baldwin (1995) juga menyatakan, “Membaca teks ialah satu proses interaktif kompetensi tatabahasa yang dimiliki oleh pembaca. Ia juga mengatakan bahawa tatabahasa memberi sumbangan yang tinggi kepada pemahaman bacaan pelajar”.

Bagi memastikan penguasaan kemahiran membaca yang baik dapat dimiliki oleh pelajar universiti, kajian terhadap pembelajaran di sekolah menengah perlu dititikberatkan. Selain itu, penambahbaikan berterusan terhadap pembelajaran dan pengajaran STPM perlu diteliti supaya melahirkan pelajar yang cemerlang dan kompetitif sebagai persediaan memasuki institusi pengajian tinggi (Noorlela, 2017).

Memandangkan penguasaan tatabahasa merupakan faktor yang mempengaruhi kefahaman bacaan dan beberapa isu serta permasalahan yang diperbincangkan. Objektif kajian ini adalah menganalisis tahap penguasaan tatabahasa Arab dan tahap kemahiran membaca pelajar STPM di Terengganu serta mengkaji hubungan penguasaan tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan pelajar STPM di Terengganu

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif berbentuk korelasi iaitu salah satu reka bentuk kajian untuk menganalisis hubungan yang wujud antara dua atau lebih pemboleh ubah kajian secara saintifik (Cresswell 2014). Reka bentuk kajian ini bersesuaian dengan objektif kajian ini untuk menentukan hubungan antara penguasaan tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca. Kajian ini dijalankan di dua Sekolah Menengah Agama (SMA)) iaitu SMA Sultan Zainal Abidin dan SMA Maarif; dan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) iaitu SMKA Durian Guling dan SMKA Sheikh Abdul Malik yang menduduki STPM di Terengganu. Responden yang terlibat dalam kajian ini sebanyak 126 orang yang terdiri daripada pelajar semester 3 yang mengambil subjek bahasa Arab yang telah melalui sesi pembelajaran dan pengajaran semester satu dan dua. Dalam penyelidikan ini, teknik pemilihan sampel adalah sampel bertujuan iaitu teknik pengambilan sampel bukan berdasarkan rawak, serantau atau stratum, tetapi berdasarkan penyelidikan atau fokus pada objektif tertentu (Arikunto, 2010).



Rajah 1: Pembahagian instrumen kajian

Kajian ini menggunakan dua instrumen set ujian iaitu ujian tatabahasa Arab dan ujian kemahiran membaca (raajah 1). Ujian adalah penilaian yang bertujuan untuk mengukur penguasaan, kemahiran atau kebolehan mengenai topik-topik tertentu. Ujian dibuat dengan mengambil kira ujian kesahan dan kebolehpercayaan. Kedua-dua instrumen kajian tersebut

telah melalui proses kesahan kandungan oleh dua orang pensyarah dalam bidang pendidikan bahasa Arab dan seorang guru cemerlang bahasa Arab yang berpengalaman luas melebihi 10 tahun. Kebolehpercayaan ujian ditentukan melalui pematuhan beberapa syarat pembinaan item dan pengendalian ujian (Siti Rahayah, 2008).

Kajian rintis juga telah dijalankan bagi melihat indeks diskriminasi dan kesukaran item bagi ujian tatabahasa Arab. Indeks diskriminasi dan kesukaran item bagi ujian penguasaan tatabahasa Arab juga adalah baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nitko 2004). Instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data adalah, ujian penguasaan tatabahasa Arab yang meliputi topik asas sukatan bahasa Arab STPM mengikut semester yang dibina merujuk kepada aras kognitif Taksonomi Bloom (1987). Manakala ujian kemahiran membaca meliputi konstruk taksonomi Lamberg & Lamb (1980).

Manakala set ujian tatabahasa Arab pula mempunyai 29 item yang merangkumi tiga semester sukatan bahasa Arab STPM. Item yang dibina merujuk kepada aras kognitif Taksonomi Bloom (1987) iaitu pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Konstruk pengetahuan bertujuan untuk menilai kebolehan kognitif untuk mengingat semula atau mengenal pasti elemen spesifik yang terdapat dalam kandungan sesuatu mata pelajaran. Konstruk kefahaman pula bertujuan untuk menilai kebolehan kognitif yang melibatkan penggunaan pengetahuan tanpa situasi baharu dan tidak memerlukan atau tidak memerihalkan implikasi terhadap pengetahuan tersebut seperti menggunakan perkataan atau simbol dan menyatakan suatu pernyataan, peristiwa atau konsep dengan menggunakan olahan bahasa yang tersendiri. Manakala konstruk kemahiran bertujuan untuk mengukur keupayaan melakukan sesuatu selepas melalui proses pembelajaran seperti mengaplikasi, menganalisis dan menilai (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013).

Ujian kemahiran membaca juga dibina mengikut taksonomi bacaan oleh Lamberg & Lamb (1980). Manakala tema teks bacaan daripada tajuk yang dipelajari di semester satu kerana mengikut tahap dan kemampuan responden dalam bacaan sesebuah teks. Teks tersebut diadaptasi dari buku latihan SPM terbitan Forgoes (2019). Secara umumnya, instrumen kajian ini terbahagi kepada ujian tatabahasa Arab dan ujian kemahiran membaca.

Data statistik inferensi iaitu ujian korelasi Pearson dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26*. Kekuatan sesuatu korelasi diwakili oleh pekali korelasi r iaitu nilai yang menunjukkan kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah di antara pembolehubah bebas dan bersandar serta berada pada tahap $=1.00 - 1.00$ seperti mana yang dicadangkan Cohen (1985). Nilai 0.1 hingga 0.29 menunjukkan korelasi yang kecil, 0.30 hingga 0.49 menggambarkan korelasi pada aras sederhana dan nilai 0.50 hingga 1.0 menggambarkan korelasi yang besar (jadual 1). Analisis statistik *inferential* telah dijalankan ke atas data yang dikumpul, iaitu dengan menjalankan ujian korelasi dan *regresi*.

Jadual 1: Nilai Indeks Korelasi Cohen (1988)

Nilai Indeks korelasi r	Kekuatan korelasi
0.1 – 0.29	Lemah
0.30 – 0.49	Sederhana
0.50 – 1.0	Tinggi

Prosedur Pengumpulan Data

Tatacara pemerolehan data dalam kajian ini telah dilaksanakan mengikut beberapa prosedur. Sebelum kajian dilaksanakan, pengkaji telah memohon kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Pihak sekolah yang terlibat untuk menjalankan kajian. Beberapa siri pertemuan antara guru dan pihak sekolah dijalankan bagi memastikan kajian berjalan dengan baik. Pertemuan bersemuka antara pengkaji, ketua panitia bahasa Arab dan guru-guru bahasa Arab di sekolah juga diadakan bagi mendapatkan kerjasama dan menjelaskan kepentingan kajian kepada mereka. Perjumpaan dua hala antara pengkaji dan pelajar sekolah juga diadakan bagi menerangkan perjalanan kajian bagi pelajar STPM semester 3.

Kajian yang dijalankan merangkumi dua instrumen yang akan dijalankan pada waktu sesi pengajaran dan pembelajaran rasmi pelajar semester tiga yang mengambil subjek bahasa Arab. Pelajar akan dimaklumkan terlebih dahulu oleh guru subjek tentang ujian tersebut sebelum ia dilaksanakan. Sebelum menjalankan ujian, pengkaji sekali lagi menerangkan tujuan kajian dan prosedur pengumpulan data. Responden juga akan dimaklumkan bahawa setiap maklumat yang diberikan adalah sulit dan tidak menjejaskan pemarkahan peperiksaan di sekolah.

Kajian berjalan dalam tempoh 2 jam diperuntukkan bagi responden melengkapkan soal selidik, melakukan ujian penguasaan tatabahasa Arab serta menjawab ujian kemahiran membaca. Ini bermakna 30 minit diperuntukkan untuk menjawab soal selidik, 30 minit ujian penguasaan tatabahasa Arab dan 60 minit diperuntukkan untuk menjawab ujian kemahiran membaca. Masa yang diperuntukkan bagi setiap item adalah memadai seperti yang disyorkan oleh Read (2000). Data yang telah diperoleh akan dianalisis, diinterpretasikan dan dibincangkan.

Prosedur Analisis Data

Dalam kajian ini, data-data yang telah diperoleh akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Bagi mencapai objektif kajian, analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi dijalankan. Statistik deskriptif dapat memberi gambaran awal terhadap data yang dikumpulkan manakala statistik inferensi merupakan hasil daripada ujian statistik deskriptif dan digunakan untuk menghasilkan inferens bagi data penyelidikan. Sebelum penganalisan data dilakukan, pembersihan data dijalankan dengan menggunakan ujian kekerapan dan operasi pengkodan semula bagi data-data yang berbentuk julat atau bertahap bagi memastikan keputusan analisis adalah tepat. Pengkaji melakukan proses analisis data dengan menggunakan kaedah Analisis Domain mengikut tema-tema yang disusun berdasarkan objektif kajian (Chua, 2012) sebagaimana jadual 2:

Jadual 2: Objektif kajian mengikut Analisis Domain (Chua, 2012)

Bil.	Objektif Kajian	Tatacara Analisis
1	Menganalisis tahap penguasaan tatabahasa Arab pelajar STPM di Terengganu?	Deskriptif
2	Menganalisis tahap kemahiran membaca pelajar STPM di Terengganu?	Deskriptif
3	Mengkaji hubungan penguasaan tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan pelajar STPM di Terengganu.	Inferensi Korelasi & Inferensi Regresi

Kesimpulannya, prosedur analisis data dipersembahkan dalam bentuk analisis statistik deskriptif iaitu peratusan dan analisis inferensi iaitu hubungan dan sumbangan signifikan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi mengkaji hubungan penguasaan tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca pelajar STPM di Terengganu, pengkaji memulakan kajian dengan menganalisis ujian penguasaan tatabahasa Arab. Analisis ujian penguasaan tatabahasa Arab dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama analisis tahap penguasaan tatabahasa Arab pelajar STPM di Terengganu. Bahagian kedua analisis penguasaan tatabahasa Arab berdasarkan sukatan bahasa Arab STPM mengikut semester yang terbahagi kepada bahagian A dan bahagian B. Manakala bahagian ketiga, analisis penguasaan tatabahasa Arab mengikut konstruk kognitif iaitu konstruk pengetahuan, kefahaman dan aplikasi.

Seterusnya, kajian diikuti dengan menganalisis ujian kemahiran membaca pelajar STPM di Terengganu. Analisis kemahiran membaca terbahagi kepada dua bahagian iaitu analisis tahap kemahiran membaca pelajar STPM di Terengganu manakala bahagian kedua adalah analisis kemahiran membaca mengikut konstruk kefahaman bacaan Taksonomi Lamborg & Lamb (1982) iaitu kefahaman literal, kefahaman tafsiran dan kefahaman kreatif. Pada akhir kajian, pengkaji menganalisis tentang hubungan penguasaan tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca bahasa Arab pelajar STPM di Terengganu. Analisis hubungan adalah untuk melihat korelasi dan *regresi* antara kedua-dua pembolehubah tersebut.

Analisis Ujian Penguasaan Tatabahasa Arab

Analisis Tahap Penguasaan tatabahasa Arab

Dapatan kajian menunjukkan, pelajar tingkatan 6 STPM di Terengganu, paling ramai berada pada tahap yang memuaskan iaitu seramai 41 responden. Dapatan menunjukkan tahap penguasaan tatabahasa Arab responden berada pada pencapaian sederhana iaitu pada markah antara 60-69 peratus. Hasil analisis pada ujian penguasaan mendapati kebanyakan dari mereka lemah pada soalan aras aplikasi. Dapatan ini selari dengan kajian Saipolbarin (2018) dan

Muhammad Taufiq (2019) iaitu pelajar hanya faham dari sudut teori tetapi gagal mengaplikasikannya. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa, pelajar STPM di Terengganu perlu lebih banyak terdedah pada kaedah latih tubi dalam meningkatkan penguasaan tatabahasa Arab. Hal ini kerana, mereka sudah mempunyai pengetahuan, tetapi mereka tidak terdedah dengan soalan yang mengelirukan atau soalan yang memerlukan aplikasi pengetahuan yang sedia ada.

Jadual 6: Analisis keseluruhan Tahap Penguasaan tatabahasa Arab

Skor Tahap Penguasaan	Bil. Responden	Peratus
Sangat tinggi	8	6.3%
Baik	36	28.6%
Memuaskan	41	32.5%
Menguasai tetapi wujud salah tafsiran	35	27.8%
Terhad	6	4.8%
Kurang Penguasaan	0	0%
Total	126	100

Analisis Penguasaan Tatabahasa Arab: Penguasaan Topik bahasa Arab STPM mengikut Semester

Bahagian A

Pada topik semester satu, topik أنواع الخير menunjukkan penguasaan yang paling tinggi oleh responden iaitu sebanyak 85.4%, manakala yang paling lemah adalah topik اعراب وعلاماته. Responden didapati masih tidak mampu menentukan kedudukan perkataan dalam ayat dengan baik. Pada topik semester dua, topik كان وأخواتها menunjukkan penguasaan yang paling tinggi diikuti topik إن وأخواتها oleh responden iaitu sebanyak 78.2% dan 62.9%, manakala yang paling lemah adalah topik نائب فاعل iaitu 62.3% yang menunjukkan perbezaan yang sedikit. Pada topik semester tiga pula hanya topik الإضافة. Yang mendapat peratus sebanyak 68.2% iaitu pada tahap yang sederhana. Keseluruhan dapatan menunjukkan topik أنواع الخبر paling ramai dikuasai responden iaitu sebanyak 85.4%, diikuti topik جملة اسمية iaitu 80.9%. Pada Topik Sorof pula pengkaji hanya memasukkan peringkat asas iaitu *tasrif lughowi* yang ditekankan dalam ujian penguasaan tatabahasa Arab ini. Kajian mendapati sebanyak 68.2% yang menguasai iaitu responden berada pada tahap yang sederhana dalam penguasaan topik asas *sorof*. Penguasaan asas *sorof* juga didapati tidak dikuasai sepenuhnya oleh pelajar. Oleh itu, keseluruhan penguasaan topik bahasa Arab STPM adalah sederhana.

Jadual 3: Analisis Penguasaan Sukatan bahasa Arab STPM mengikut Semester Bahagian A

Semester STPM	Topik sukatan bahasa Arab STPM	No. Soalan	Bil Responden		Purata Penguasaan
			Betul	Salah	
Semester 1	جملة اسمية	1	89 (70.6%)	37 (29.4%)	80.9%
		11	115 (91.3%)	11 (8.7%)	
		2	75 (59.5%)	51 (40.5%)	
	جملة فعلية	3	33 (26.2%)	93 (73.8%)	54.1%
		14_1	122 (96.8%)	4 (3.2%)	
		14_2	97 (77%)	29 (23%)	
	اعراب وعلاماته	14_3	70 (55.6%)	56 (44.4%)	36.6%
		16_1	33 (26.2%)	93 (73.8%)	
		16_2	31 (24.6%)	95 (75.4%)	
	أنواع الخبر	16_3	74 (58.7%)	52 (41.3%)	85.4%
		9	107 (84.9%)	10 (15.1%)	
		10	113 (89.7%)	13 (10.3%)	
	تصريف	15_1	96 (76.2%)	30 (23.8%)	59.1%
		15_2	110 (87.3%)	15 (11.9%)	
		15_3	102 (81%)	24 (19%)	
إن وأخواتها	12	49 (38.9%)	77 (61.1%)	62.9%	
	13	100 (79.4%)	26 (20.6%)		
	4	63 (50%)	63 (50%)		
Semester 2		17_1	119 (94.4%)	7 (5.6%)	62.9%
		17_2	72 (57.1%)	54 (42.9%)	

Semester 3	كان وأخواتها	5	88 (69.8%)	38 (30.2%)	
		18_1	117 (92.9%)	9 (7.1%)	78.2%
	نائب فاعل	18_2	101 (80.2%)	25 (19.8%)	
		6	82 (65.1%)	44 (34.9%)	
	الإضافة	19_1	64 (50.8%)	62 (49.2%)	62.3%
		19_2	86 (68.3%)	40 (31.7%)	
		7	95 (75.4%)	31 (24.6%)	
		8	77 (61.1%)	49 (38.9%)	68.2%

Bahagian B

Soalan pada bahagian ini fokus pada اعراب iaitu seperti yang dinyatakan Al-Awani (1983) bahawa اعراب merangkumi seluruh topik nahu. Bagi melihat tahap penguasaan pada bahagian ini, pengkaji membuat pengiraan mengikut peratus markah keseluruhan pada bahagian ini kerana soalan pada bahagian ini berbentuk subjektif yang mempunyai markah 3 setiap satu soalan. Oleh itu, hasil dapatan menunjukkan tahap keseluruhan pelajar pada bahagian ini adalah pada tahap yang memuaskan iaitu pada pencapaian sederhana baik seramai 43 responden (34.1%). Responden didapati mendapat markah antara 60-69.

Jadual 4: Analisis Penguasaan Sukatan bahasa Arab STPM mengikut Semester Bahagian B

Tahap Penguasaan	مجرورات dan مرفوعات، منصوبات	Bil. Responden	Peratus
Sangat tinggi		10	7.9%
Baik		36	28.6%
Memuaskan		43	34.1%
Menguasai tetapi wujud salah tafsiran		34	27%
Terhad		3	2.4%
Kurang Penguasaan		0	0%
Total		126	100

Analisis Penguasaan Tatabahasa Arab: Penguasaan Aras Kognitif*Aras Pengetahuan*

Analisis dapatan menunjukkan peratus keseluruhan soalan aras pengetahuan adalah sebanyak 74.2% yang menguasai. Soalan Aras pengetahuan didapati berada pada tahap yang baik.

Aras Kefahaman

Analisis dapatan menunjukkan peratus keseluruhan soalan aras kefahaman adalah sebanyak 64.1% yang menguasai. Soalan Aras kefahaman didapati berada pada tahap yang memuaskan dengan pencapaian sederhana baik.

Aras Aplikasi

Analisis dapatan menunjukkan peratus keseluruhan soalan aras aplikasi adalah sebanyak 40.3% yang menguasai. Soalan Aras aplikasi didapati berada pada tahap yang lemah. Responden didapati lemah dalam mengaplikasi pengetahuan dalam soalan.

Jadual 5: Analisis Penguasaan Tatabahasa Arab berdasarkan Konstruk Kognitif

Aras kognitif	No. Item	Peratus menguasai	Purata penguasaan
Pengetahuan	1	70.6%	74.2%
	9	84.9%	
	10	89.7%	
	12	38.9%	
	13	79.4%	
	15	81.5%	
Kefahaman	2	59.5%	64.1%
	3	26.2%	
	4	50%	
	5	69.8%	
	6	65.1%	
	7	75.4%	
	8	61.1%	
	11	91.3%	
	14	76.5%	
	16	36.5%	

	17		75.8%	
	18		86.6%	
	19		59.6%	
Aplikasi	Bahagian B	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10	40.3%	40.3%

Analisis Kemahiran Membaca

Analisis Ujian tahap Kemahiran Membaca

Dapatan kajian menunjukkan, pelajar tingkatan 6 STPM di Terengganu, paling ramai berada pada pencapaian yang kurang baik iaitu seramai 49 responden (38.9%). Dapatan menunjukkan tahap kemahiran membaca responden berada pada tahap penguasaan yang menguasai tetapi wujud salah tafsiran iaitu pencapaian yang kurang baik pada markah antara 45-59 peratus. Apabila melihat kajian lepas yang menyatakan pelajar universiti mempunyai tahap kemahiran membaca yang lemah (Raja Musa et al.1999; (Zawawi 2008; Ab. Halim Mohamad 2005; Nur Syazwani et al 2012; Mohd Zahimie & Hakim, 2014; Nurul Iza & Kaseh 2021). Pengkaji mendapati bahawa, kelemahan dalam kemahiran membaca bermula sebelum mereka memasuki peringkat pengajian tinggi iaitu semasa berada di peringkat menengah lagi. Jika kelemahan membaca masih tidak diatasi pada peringkat menengah atas, sudah tentu pada peringkat pengajian tinggi, masalah kelemahan membaca akan lebih berleluasa.

Jadual 8: Analisis Keseluruhan Tahap Kemahiran Membaca Pelajar STPM di Terengganu

Skala Tahap Penguasaan	Bil. Responden	Peratus
Sangat tinggi	1	0.8%
Baik	13	10.3%
Memuaskan	25	19.8%
Menguasai tetapi wujud salah tafsiran	49	38.9%
Terhad	37	29.4%
Kurang Penguasaan	1	0.8%
Total	126	100

Analisis Tahap Kemahiran Membaca: Penguasaan Peringkat Kefahaman Lamberg & Lamb (1980)

Peringkat Kefahaman Literal

Peringkat 1: Kefahaman Literal	Bil. Responden	Peratus
Bahagian A		
Sangat tinggi	9	7.1%

Baik	23	18.3%
Memuaskan	13	10.3%
Menguasai tetapi wujud salah tafsiran	39	31%
Terhad	32	25.4%
Kurang Penguasaan	10	7.9%
Jumlah	126	100

Dapatan menunjukkan tahap kemahiran membaca iaitu pada penguasaan peringkat kefahaman literal berada pada pencapaian yang kurang baik iaitu seramai 39 responden (31%), mereka menguasai tetapi wujud salah tafsiran dan pencapaian markah sebanyak 45-59 peratus.

Peringkat Kefahaman Tafsiran

Peringkat 1: Kefahaman Tafsiran	Bil. Responden	Peratus
Bahagian B		
Sangat tinggi	22	17.5%
Baik	34	27%
Memuaskan	25	19.8%
Menguasai tetapi wujud salah tafsiran	21	16.7%
Terhad	17	13.5%
Kurang Penguasaan	7	5.6%
Jumlah	126	100

Seterusnya analisis penguasaan peringkat kefahaman tafsiran mendapati pelajar majoriti berada pada tahap baik iaitu pencapaian sederhana baik seramai 34 responden (27%).

Peringkat Kefahaman Kreatif

Peringkat 3: Kefahaman Kreatif	Bil. Responden	Peratus
Bahagian C		
Sangat tinggi	1	0.8%
Baik	2	1.6%
Memuaskan	3	2.4%
Menguasai tetapi wujud salah tafsiran	42	33.3%
Terhad	51	40.5%
Kurang Penguasaan	27	21.4%
Jumlah	126	100

Akhirnya penguasaan kemahiran membaca pada peringkat kefahaman kreatif mendapati bahawa pelajar berada pada tahap yang lemah iaitu seramai 51 responden (40.5%). Pencapaian pelajar pada peringkat kefahaman kreatif adalah baik pada markah antara 30 -44.

Kesimpulan keseluruhan kajian analisis Tahap Kemahiran Membaca: Penguasaan Peringkat Kefahaman Lamberg & Lamb (1980), kajian mendapati bahawa peringkat kefahaman literal lebih rendah dikuasai berbanding peringkat kefahaman tafsiran. Hal ini kerana, kefahaman literal memerlukan penggunaan kemahiran struktur dan mengenal pasti makna ayat melalui objektif atau kata ganti nama. Kesimpulannya Kefahaman literal memerlukan proses aplikasi penguasaan tatabahasa Arab dalam proses kefahaman membaca. dapat disimpulkan bahawa kajian mendapati pelajar STPM di Terengganu lemah dalam mengaplikasi penguasaan tatabahasa Arab. Hal ini juga dibuktikan pada hasil dapatan tahap penguasaan tatabahasa Arab pada aras aplikasi yang didapati berada pada tahap rendah.

Berbeza pada peringkat kefahaman tafsiran iaitu pembaca mampu menyimpulkan idea utama pada teks bacaan. Dapatan menunjukkan pelajar pada tahap baik. Hal ini kerana kefahaman tafsiran memerlukan kemampuan menyimpulkan teks yang dibaca. Teks yang diberikan pada pelajar bagi menguji kemahiran membaca adalah peringkat mudah. Pelajar mudah untuk menyimpulkan teks yang dibaca. Oleh itu, kajian ini mendapati pelajar dapat menyimpulkan idea utama yang ingin disampaikan oleh teks kepada pembaca.

Seterusnya pada kefahaman kreatif, kajian mendapati pelajar berada pada tahap lemah. Hal ini kerana kefahaman kreatif memerlukan kemampuan menghasilkan idea baru dari proses pembacaan dan kebolehan pembaca menilai sesuatu dalam pembaca. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pelajar lemah dalam menghasilkan idea baru dalam proses bacaan.

Hubungan Penguasaan Tatabahasa Arab dengan Kemahiran Membaca

Analisis Korelasi

Dapatan ujian Pekali Spearman Rho juga menunjukkan wujud hubungan positif yang bersifat lemah ($r = 0.191$) dan nilai signifikan ($p=0.00<0.05$). Daripada output di atas, beberapa rumusan dibuat bagi melihat hubungan antara pembolehubah: Wujud hubungan positif yang lemah antara penguasaan tatabahasa Arab dan penguasaan kemahiran membaca. ($r= 0.191$, $sig = 0.032$).

Analisis Regresi

Keputusan R^2 iaitu 0.032. ini bermakna, sekitar 3.2% tahap penguasaan tatabahasa Arab pelajar memberi sumbangan terhadap pencapaian tahap penguasaan kemahiran membaca pelajar manakala 96.8% mungkin terdapat sumbangan dari aspek yang lain boleh mempengaruhi tahap kemahiran membaca teks Arab pelajar. Analisis *Anova* menunjukkan nilai signifikan 0.191 bermaksud model *regresi* mudah secara statistiknya bersifat signifikan. nilai signifikan ialah 0.191 yang membawa maksud tahap penguasaan tatabahasa Arab terhadap tahap penguasaan kemahiran membaca teks Arab pelajar adalah signifikan dan hipotesis nol ditolak iaitu terdapat sumbangan yang signifikan oleh tahap penguasaan tatabahasa Arab

terhadap faktor tahap penguasaan kemahiran membaca pelajar. Dengan meningkatnya satu mata penguasaan tatabahasa Arab bersamaan 3.2% peningkatan dalam tahap ujian kemahiran membaca pelajar.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Melalui analisis pada bab 4, kajian didapati mempunyai signifikan hubungan antara kedua pemboleh ubah iaitu hubungan positif yang bersifat lemah ($r = 0.191$). Serta terdapat sumbangan sebanyak 3.2% daripada pemboleh ubah bersandar kepada pemboleh ubah tidak bersandar. Hasil utama kajian ini merumuskan bahawa penguasaan tatabahasa Arab mempunyai hubungan dan memberi sumbangan yang signifikan terhadap penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab. Analisis dapatan menunjukkan pelajar STPM di Terengganu lemah dalam mengaplikasi pengetahuan tatabahasa Arab dengan baik dalam mencapai kefahaman membaca sedangkan banyak kajian lepas yang menyatakan kepentingan tatabahasa Arab dalam mencapai kefahaman bacaan teks. Kajian ini selari dengan kajian Ahmad Fuad (2015) yang menyatakan bahawa kelemahan penguasaan unsur tatabahasa Arab menjadi faktor kelemahan dalam mencapai kefahaman membaca.

Cadangan kepada Pembelajaran dan pengajaran bahasa

Pelajar perlu menekankan pengetahuan tatabahasa dalam proses membaca. Guru perlu memasukkan fungsi tatabahasa Arab dalam teks bacaan. Apabila proses membaca, pelajar perlu meneliti fungsi tatabahasa dalam teks tersebut supaya mereka terbiasa dengan aplikasi pengetahuan tatabahasa mereka pada teks yang dibaca bukan hanya mementingkan kosa kata semata-mata dalam bacaan teks. Hal ini kerana kebanyakan pembelajaran dan pengajaran tatabahasa Arab dipisahkan dari pembelajaran kemahiran membaca. Guru perlu lebih pelbagaikan cara dan kaedah dalam proses pembelajaran dan pengajaran kemahiran membaca.

Cadangan kepada Penyelidikan Bahasa Arab akan datang.

Pengkaji mencadangkan beberapa topik dan perbincangan ilmiah yang berkaitan dengan bahasa Arab STPM dan kemahiran membaca. Antaranya adalah modul pengajaran kemahiran membaca berdasarkan aplikasi tatabahasa Arab, Analisis sukatan bahasa Arab STPM, modul bahasa Arab STPM dan sebagainya.

KESIMPULAN

Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan signifikan yang lemah antara penguasaan tatabahasa dalam mencapai kemahiran membaca. Melihat pada kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tatabahasa Arab dan kemahiran membaca, kenyataan tersebut adalah benar, tetapi hubungannya dalam kalangan pelajar STPM mempunyai signifikan yang lemah. Analisis dapatan menunjukkan bahawa pelajar lemah dalam mengaplikasi pengetahuan tatabahasa Arab yang sedia ada dalam mencapai kemahiran membaca. Justeru tatabahasa merupakan suatu elemen yang sangat berperanan dalam

kemahiran membaca. Oleh itu, tatabahasa perlu diberi penekanan dan dipraktikkan dalam pdp terutama dalam memfokuskan kemahiran membaca pelajar. Diharapkan kajian ini memberi manfaat pada ramai pihak serta bermanfaat pada kajian lanjutan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad, (2005). Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPT Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-10.
- Che Daud @ Che Mud, Ahmad Fuad (2015) *Aplikasi tatabahasa dalam membaca teks Arab dalam kalangan pelajar IPTA*. Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Chua, Y. P. (2012), *Mastering Research Methods*, McGraw-Hill Education.
- Grabe William (1991), Current Developments in Second Language Reading Research, *TESOL Quarterly*, 25(3): 378-379.
- Harun Baharudin, Zawawi Ismail & Nik Mohd Rahimi. 2017. Pembinaan Ujian Tahap Saiz Kosa Kata Arab, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1): 13-19.
- Hashim Mat Zain. (2009). Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur:. Universiti Malaya.
- Krashen, S. D. (2004). *The power of reading: Insights from the research* (2nd ed.). Portsmouth: Heinemann.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2013). Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Michael C. McKenna & Katherine A. Dougherty Stahl. 2009. *Assessment for Reading Instruction*. Guilford Publications.
- Mohd Hazli Yah, Maimun Aqsha Lubis Abidin Lubis, & Mahani Mohamad. (2019). Kemahiran Membaca Teks Arab Sebagai Bahasa Kedua : Penelitian Dari Perpektif Teori Dan Kurikulum. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1), 26-44.
- Mohd Zahimie, Hakim Zainal. (2014). Pengaruh Kelancaran Membaca Al-Quran Terhadap Kelancaran Membaca Teks Arab: Kajian Kes di KUIM, *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.
- Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Saipolbarin Ramli & Mohd Zawawi Awang Hamat (2019), Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*. 15(1): 12-22.
- Nooraihan Ali, Mohd Hilmi Abdullah, Asyraf Ab Rahman. (2020). Penilaian Keberkesanan Modul Pembelajaran Kendiri Strategi Pemahaman Membaca Teks Bahasa Arab (Mpk Spmba) Untuk Pelajar Pengajian Islam Di Institusi Pengajian Tinggi, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1): 20-37.
- Nurul Iza Salsabila Che Rani & Kaseh Abu Bakar (2021), Kaedah Menilai Kecekapan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1): 158-170.

- Nur Syazwani Mustapa, Suhaila Zailani, Salamiah Ab Ghani, Ummu Hani hashim, & zuraida shaadon. (2012). Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, 116–129. <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>
- Osman Khalid. (1990). Ta'lim al-lughah al-arabiyyah fi jamiah al-mahalliyyah: Qadiyyah al-jamiah al-wataniyyah. *Kertas Kerja Seminar Peningkatan Pengajaran Bahasa Arab*. Universiti Islam Antarabangsa. Kuala Lumpur, 25-28 Ogos.
- Raja Musa, R.M.F., Ahmad, M.A., & Embi, M.A. (1999). The acquisition of Arabic reading comprehension skills among religious secondary school students: A pilot study. *Journal Pendidikan*, 24, 115-131.
- Read, J. (2000). *Assesing Vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Saipolbarin, R, Zarima, M. Z., Nazri, A. & Mohammad Sidik, A. 2018. Aplikasi Formula Pola Ayat Dalam Penulisan Teks Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 175-184.
- Tu'aymah, Rushdi Ahmad. (1989). Ta'lim al-'Arabiyyah li ghayr al-natiqin bi-ha: Asalibu-hu wa manahijuh. Rabat: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO)
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh (2017). Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Albasirah Journal*. 7(2), 23-41.
- Yuniarti Amalia Wahdah, 2018. Faktor-Faktor Kesulitan Siswa Dalam Membaca Teks Bahasa Arab, *ALSUNYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Budaya Arab*, 1(1): 30-46.
- Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah (2007). *Kesan bahasa Arab dalam peradaban Melayu di Malaysia*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Zawawi Ismail. (2008). Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia